## ANTARA KESALAHAN-KESALAHAN JENAYAH SYARIAH

### AKTA MAJLIS UGAMA ISLAM DAN MAHKAMAH-MAHKAMAH KADI PENGGAL 77

| BAB | KESALAHAN | HUKUMAN |
|---|---|---|
| 178 (3) | **PERSETUBUHAN TERTEGAH NIKAH**<br><br>Mana-mana orang yang melakukan **PERSETUBUHAN** dengan mana-mana orang yang dia, dan siapa yang diketahuinya atau mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa dia, **DITEGAH** oleh *Hukum Syara'* untuk kahwin | **Lelaki :**<br>Penjara 5 Tahun<br><br>**Perempuan :**<br>Penjara 1 Tahun |
| 178 (4) | **PERSETUBUHAN DILUAR NIKAH**<br><br>Barangsiapa yang bersalah melakukan persetubuhan **LUAR NIKAH**, sama ada atau tidak pihak lain kepada persetubuhan luar nikah demikian menganut ugama Islam | Penjara 6 Bulan<br><br>**ATAU**<br><br>Denda $5,000 |

**SENARAI AJARAN-AJARAN SESAT YANG TELAH DIFATWAKAN BOLEH DIRUJUK DI LAMAN SESAWANG KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**http://www.kheu.gov.bn**



## IBU PEJABAT

BAHAGIAN PENGUATKUASAAN UGAMA
BANGUNAN MADRASAH (LAMA)
JALAN ELIZABETH II,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## TALIAN ADUAN

### Brunei Muara

OFFICE HOUR : +673 2240155
: +673 2242345

24/7 HOTLINE

UNIT SIASATAN : +673 8330020
: +673 8330030
: +673 8330040
: +673 8330050

UNIT PELAKSANAAN : +673 8330070

UNIT PEMANTAUAN : +673 8330060

UNIT KAWALAN AQIDAH DAN PENYELIDIKAN : +673 8330080

### Kuala Belait

24/7 HOTLINE : +673 8330100

### Tutong

24/7 HOTLINE : +673 8330010

### Temburong

24/7 HOTLINE : +673 8330090

## BAHAGIAN PENGUATKUASAAN UGAMA KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIDANGKUASA

- Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam Penggal 217
- Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013
- Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Penggal 184
- Akta Keterangan Mahkamah Syariah, 2001
- Akta Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah Penggal 224

### TUGAS DAN FUNGSI

- Melaksanakan Penguatkuasaan Undang-Undang Menurut Bidangkuasa Yang Diperuntukkan
- Menjalankan Penyiasatan Secara Profesional dan Berwibawa
- Melaksanakan Pemantauan Aktiviti-Aktiviti Jenayah Syariah
- Mempertingkatkan Penglibatan Awam Dalam Pembenterasan Jenayah Syariah
- Mengurangkan Kadar Jenayah Syariah Dengan Memberikan Pendedahan Melalui Ceramah dan Taklimat
- Memelihara Kesejahteraan Masyarakat Melalui Penguatkuasaan Undang-Undang
- Mengawal Umat Islam Dari Terpengaruh Dengan Ajaran-Ajaran Sesat

# ANTARA KESALAHAN-KESALAHAN JENAYAH SYARIAH

## PERINTAH KANUN HUKUMAN JENAYAH SYARIAH, 2013

| BAB | KESALAHAN | HUKUMAN |
|---|---|---|
| 94 | **HAMIL LUAR NIKAH**<br><br>(1) Mana-mana **PEREMPUAN ISLAM** yang didapati hamil atau melahirkan anak **LUAR NIKAH**<br><br>**Muhshan** : Berkahwin & pernah melakukan persetubuhan dalam perkahwinan itu<br><br>**Ghairu Muhshan** : Belum berkahwin / berkahwin tapi belum melakukan persetubuhan dalam perkahwinan itu. | **(a) Muhshan**<br>Denda tidak meleibihi **$8,000;**<br>**ATAU**<br>Penjara tidak melebihi **2 Tahun;**<br>**ATAU**<br>**Kedua-duanya** sekali<br><br>**(b) Ghairu Muhshan**<br>Denda tidak meleibihi **$4,000;**<br>ATAU<br>Penjara tidak melebihi **1 Tahun;**<br>ATAU<br>**Kedua-duanya** sekali |
| | (5) Mana-mana LELAKI yang **MENGHAMILKAN** seorang perempuan Islam **LUAR NIKAH**, sama ada atau tidak perempuan tersebut telah melahirkan anak<br><br>**Lelaki : Islam atau Bukan Islam** | Denda tidak melebihi **$8,000;**<br>**ATAU**<br>Penjara tidak melebihi **2 Tahun;**<br>**ATAU**<br>**Kedua-duanya** sekali |
| 196 | **KHALWAT**<br><br>(1) Mana-mana **orang Islam** yang melakukan **KHALWAT**<br><br>(2) Mana-mana **orang bukan Islam** yang melakukan **KHALWAT** dengan orang Islam | Denda tidak melebihi **$4,000**;<br>**ATAU**<br>Penjara tidak melebihi **1 Tahun;**<br>**ATAU**<br>**Kedua-duanya** sekali |
| **Khalwat :**<br>(a) bersekediaman, bersekedudukan, berkurung; atau<br>(b) mengasingkan diri dalam keadaan berhampiran yang mendatangkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan maksiat, di antara LELAKI dan PEREMPUAN (seorang atau lebih) yang **bukan suami isteri** atau **bukan *mahram*** | | |
| 207 | **AJARAN ATAU AMALAN DLL, YANG BERTENTANGAN DENGAN HUKUM SYARA'**<br><br>(1) Mana-mana **ORANG ISLAM** yang -<br><br>(a)**MENGAJAR ATAU MENJELASKAN APA-APA AJARAN** yang berkaitan dengan ugama Islam dengan cara yang bertentangan dengan Hukum Syara',<br><br>(b)mengajar, menjelaskan apa-apa ajaran atau **MENJALANKAN, MELAKSANAKAN ATAU MENGAMALKAN**, sesuatu upcara atau perbuatan yang bertentangan dengan Hukum Syara' | Denda tidak melebihi **$20,000**;<br>**ATAU**<br>Penjara tidak melebihi **5 Tahun;**<br>**ATAU**<br>**Kedua-duanya** sekali |

| BAB | KESALAHAN | HUKUMAN |
|---|---|---|
| | (2) Mana-mana orang **BUKAN ISLAM** yang -<br><br>(a) mengajar, menjelaskan **KEPADA MANA-MANAA ORANG ISLAM** sesuatu upacara atau perbuatan yang bertentangan dengan *Hukum Syara'*, **atau**<br><br>(b) menjalankan atau melaksanakan **KE ATAS MANA-MANA ORANG ISLAM** sesuatu upacara atau perbuatan yang bertentangan dengan *Hukum Syara'* | Denda tidak melebihi **$20,000;**<br>**ATAU**<br>Penjara tidak melebihi **5 Tahun;**<br>**ATAU**<br>**Kedua-duanya** sekali |
| 216 | **PEMUJAAN**<br><br>(1) Mana-mana orang Islam yang **MEMUJA** mana-mana **ORANG, TEMPAT, ALAM SEMULAJADI** atau apa-apa **OBJEK, BENDA,** atau **BINATANG** dengan apa-apa jua cara yang bertentangan dengan *Hukum Syara'* | Denda tidak melebihi **$8,000;**<br>**ATAU**<br>Penjara tidak melebihi **2 Tahun;**<br>**ATAU**<br>**Kedua-duanya** sekali |
| **Huraian** - Suatu **PERBUATAN ATAU PERNYATAAN** yang menunjukkan kepercayaan terhadap **SESEORANG, OBJEK, BENDA** atau **BINATANG** bahawa seseorang, objek, benda atau binatang tersebut mempunyai kuasa seperti boleh membawa tuah, menambah rezeki, menyampaikan hajat, menyembuhkan penyakit dan lain-lain adalah **TERJUMLAH KEPADA PERBUATAN PEMUJAAN.** | | |
| 220 | **MENGHINA ATAU MENYEBABKAN UGAMA ISLAM DIPANDANG HINA DLL**<br><br>Mana-mana orang yang, dengan cara lisan, tulisan, pernyataan zahir atau dengan sebarang cara **MENGHINA** atau **MENYEBABKAN DIPANDANG HINA, MENCERCA, MEMPERSENDA, MENGOLOK-OLOK, MENGAJUK** atau **MENGEJEK** -<br>(a) ajaran ugama Islam;<br>(b) amalan atau upacara yang berkaitan dengan ugama Islam;<br>(c) mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa yang berkaitan dengan ugama Islam;<br>(d) mana-mana *sahabat*,<br>(e) qaul-qaul mana-mana *mazhab* yang *mu'tabar*; atau<br>(f) mana-mana *fatwa* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* | Denda tidak melebihi **$12,000**;<br>**ATAU**<br>Penjara tidak melebihi **3 Tahun;**<br>**ATAU**<br>**Kedua-duanya** sekali |
| 229 | **MENGAJAR UGAMA TANPA KEBENARAN BERTULIS**<br><br>(1) Mana-mana orang yang **MENGAJAR** sesuatu perkara yang berkaitan dengan ugama Islam **TANPA** kebenaran bertulis daripada Majlis (Majlis Ugama Islam) | Denda tidak melebihi **$8,000**;<br>**ATAU**<br>Penjara tidak melebihi **2 Tahun;**<br>**ATAU**<br>**Kedua-duanya** sekali |

## AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM PENGGAL 217

| BAB | KESALAHAN | HUKUMAN |
|---|---|---|
| 33 | **TIDAK HADIR DI HADAPAN PENDAFTAR DALAM MASA YANG DITETAPKAN**<br><br>Seseorang yang dikehendaki oleh bab 29 supaya hadir di hadapan Pendaftar tidak berbuat demikian **TANPA** sebab-sebab munasabah dalam masa yang ditetapkan | Denda tidak melebihi **$1,000;**<br>**ATAU**<br>Penjara tidak melebihi **3 bulan;**<br>**ATAU**<br>**Kedua-duanya** sekali |
| 29 | Setiap warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang telah sah berkahwin di luar negara mengikut *Hukum Syara'*. **HENDAKLAH MENDAFTARKAN** perkahwinan tersebut dalam masa **ENAM BULAN SELEPAS** salah satu atau kedua-dua pihak itu **MULA SAMPAI** di Negara Brunei Darussalam. | |
| 38 (2) | **KESALAHAN BERHUBUNG AKAD NIKAH PERKAHWINAN**<br><br>Seseorang yang berkahwin **atau** dikatakan berkahwin **atau** menjalani sesuatu upacara akad nikah dengan sesiapa juga bertentangan dengan mana-mana peruntukan Bahagian II | Denda tidak melebihi **$2,000**;<br>**ATAU**<br>Penjara tidak melebihi **6 bulan;**<br>**ATAU**<br>**Kedua-duanya** sekali |
| 123 | **POLIGAMI BERHUBUNG AKAD NIKAH PERKAHWINAN**<br><br>Seseorang **LELAKI** yang **BERKAHWIN LAGI** di mana-mana jua pun dalam masa perkahwinannya yang sedia ada masih berterusan **TANPA** mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada *Hakim Syar'ie* | Denda tidak melebihi **$2,000;**<br>**ATAU**<br>Penjara tidak melebihi **6 bulan;**<br>**ATAU**<br>**Kedua-duanya** sekali |
| 124 | **PERCERAIAN DI LUAR MAHKAMAH TANPA KEBENARAN MAHKAMAH**<br><br>Seseorang **LELAKI** yang menceraikan isterinya dengan melafazkan *talak* dengan apa-apa bentuk **di luar Mahkamah TANPA** kebenaran Mahkamah | Denda tidak melebihi **$2,000;**<br>**ATAU**<br>Penjara tidak melebihi **6 bulan**;<br>**ATAU**<br>**Kedua-duanya** sekali |
| 125 (1) | **TIDAK MEMBUAT LAPORAN**<br><br>**SESEORANG KEWAJIPAN*** untuk membuat suatu laporan di bawah Akta ini **DENGAN SENGAJA CUAI** atau **TIDAK** berbuat demikian | Denda tidak melebihi **$2,000**;<br>**ATAU**<br>Penjara tidak melebihi **6 bulan**;<br>**ATAU**<br>**Kedua-duanya** sekali |
| *55 (1) | Seseorang LELAKI yang telah menceraikan isterinya dengan melafazkan talaq dalam apa-apa bentuk di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah HENDAKLAH, dalam tempoh 7 HARI DARI TALAQ ITU DILAFAZKAN, melaporkan lafaz talaq itu kepada Mahkamah. | |

**SALINAN AKTA-AKTA DAN PERINTAH (FORMAT PDF) BOLEH DIMUAT TURUN DARI LAMAN SESAWANG : http://www.agc.gov.bn**